

Sulit
21
Sejarah
Ogos 2003
1¼ JAM

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA 1
PRESINT 8
62250 PUTRAJAYA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2003

SEJARAH
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.
 2. Jawab **semua** soalan
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihanjawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendakmenukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan **hitamkan** pilihan anda yang baru.
-

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

.....
(Pn. Eshah bt. Said)
Guru Sejarah

.....
(Pn. Habbulmatain bt. Maliki)
Ketua Panitia Sejarah

.....
(Pn. Zuriah bt. Mad Ali)
Ketua Bidang Kemanusiaan

Arahan: Untuk **soalan 1 hingga 50**, tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruang yagn sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

Soalan 1 di bawah berdasarkan pernyataan berikut.

Sejarah Melayu Misa Melayu Hikayat Raja-raja Pasai Hikayat Merong Mahawangsa

1	Hasil penulisan di atas mengisahkan tentang
A	peristiwa sejarah zaman dahulu
B	kota-kota kerajaan lama
C	kesultanan melayu zaman dahulu
D	Cerita dongeng dan lagenda silam


Soalan 2 berdasarkan rajah di bawah

Seorang ahli cari gali telah menemui artifak, fosil dan candi di sebuah tapak cari gali

2	Berdasarkan pernyataan di atas, kaedah apakah yang digunakan untuk mengesan bahan-bahan tersebut?
A	Kaedah pencarian
B	Kaedah arkeologi
C	Kaedah bertulis
D	Kaedah lisan


3	Sungai Emas, Pangkalan Bujang, Kuala Selinsing, Jenderam Hilir dan Santubong merupakan petempatan awal yang penting di negara ini pada kurun ke-6. apakah kepentingan petempatan ini?
A	Menjadi pusat pengeluaran emas
B	Menjadi pusat pembuatan alat gangsa
C	Menjadi pusat pengumpulan hasil hutan
D	Menjadi pusat pertemuan pedagang asing.

Soalan 4 berdasarkan rajah di bawah



4	Rajah di atas menunjukkan perjalanan Parameswara selepas meninggalkan Palembang. Satu peristiwa telah berlaku di X. Apakah peristiwa tersebut?
A	Pemecahan daerah
B	Parameswara telah diculik
C	Pembentukan sebuah kerajaan yang terkenal
D	Pembunuhan Temagi

Soalan 5 berdasarkan rajah di bawah




5	Apakah kesan penting sistem pentadbiran yang sedemikian kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
A	Sistem pentadbiran Melaka dicontohi oleh kerajaan Maritim
B	Mewujudkan sistem pentadbiran yang baik dan tersusun
C	Mewujudkan suasana aman dan selamat kepada masyarakat pedagang
D	Menjadi pelabuhan entrepot dan menjadi tumpuan para pedagang asing

Soalan 6 berdasarkan petikan yang berikut.

Pembesar itu telah menyelesaikan pertikaian antara seorang pedagang Gujerat dengan seorang saudagar Melayu mengenai harga dan timbangan barang dagangan. Selepas itu beliau sibuk menguruskan gudang dan pasar di pelabuhan Melaka

6	Berdasarkan petikan di atas, apakah jawatan yang dipegang oleh pembesar tersebut dalam sistem pentadbiran Melaka?
A	Temenggung
B	Penghulu Bendahari
C	Syahbandar
D	Laksamana

Soalan 7 berdasarkan rajah di bawah



7	Rajah di atas adalah kemudahan yang disediakan di pelabuhan Melaka. Apakah alasan kerajaan Melaka berbuat demikian?
A	Untuk menarik perhatian pedagang Arab.
B	Untuk menjadikan Melaka sebuah pelabuhan perdagangan.
C	Untuk bersaing dengan pelabuhan Srivijaya.
D	Untuk memenuhi permintaan pedagang singgah.

8	Pembesar Melaka tidak menghadapi masalah bahasa dalam urusan dengan pedagang-pedagang asing di pelabuhan Melaka. Hal ini adalah kerana
A	bahasa Melayu merupakan bahasa perhubungan antarabangsa
B	pembesar Melaka belajar bahasa asing di istana
C	mereka dihantar ke luar negeri untuk mempelajari bahasa asing
D	penterjemah bahasa disediakan untuk pedagang asing

9	Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan Melaka dalam usaha mengukuhkan kuasanya di negeri-negeri yang berjaya ditaklukinya?
A	Memaksa negeri-negeri tersebut menghantar ufti
B	Menyerahkan negeri-negeri tersebut kepada pembesar Melaka yang berjasa
C	Negeri-negeri tersebut dikawal rapi oleh tentera-tentera Melaka
D	Pemerintah dan rakyat di negeri-negeri tersebut mesti mengakui kesetiaan kepada Sultan Melaka

10	Sultan Mansur Syah dan Tun Perak telah memainkan peranan penting untuk menyebarkan agama Islam. Apakah sumbangan utama mereka untuk menyebarkan agama Islam?
-----------	--


	A	Mengadakan kelas pengajian al-Quran
	B	Meluaskan kuasa Melaka
	C	Menghantar pendakwah ke luar negeri
	D	Menggalakkan penulisan bahan agama

Soalan 11 berdasarkan maklumat di bawah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kelemahan pentadbiran • Pembelotan pedagang |
|--|

11	Situasi di atas wujud semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Apakah kesan langsung daripada situasi di atas?
	A Kejadian rasuah berleluasa di Melaka
	B Kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis
	C Penyerahan kuasa kepada Sultan Ahmad Syah
	D Pemberontakan saudagar Tamil-Islam terhadap pemerintahan baginda

Soalan 12 berdasarkan rajah di bawah.



12	Peperangan dalam rajah di atas melibatkan tiga kuasa besar iaitu Johor, Aceh dan Portugis. Apakah faktor tercetusnya peperangan tersebut?
	A Portugis berusaha memperluaskan kuasanya ke Johor
	B Usaha untuk mengembalikan kegemilangan kerajaan kesultanan Melayu Melaka
	C Perebutan kawasan pengumpulan rempah ratus
	D Persaingan untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka

13	Perak menghadapi ancaman daripada Belanda dan Bugis. Apakah sebab kedua-dua pihak ingin menguasai negeri Perak
	A Menguasai perdagangan bijih timah di Perak
	B Menguasai pelabuhan Perak yang Kaya
	C Menghalang perluasan kuasa Perak
	D Menghapuskan monopoli perdagangan rempah Perak

Soalan 14 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pada tahun 1791, Kedah yang dibantu oleh Siak, Johor dan Rembau telah menyerang British di Pulau Pinang tetapi ditewaskan.


14	Punca serangan Kedah itu mungkin sekali
A	Kedah dipaksa oleh Siam dan Burma
B	Syarikat Hindia Timur Inggeris gagal membayar sewa tanah di Pulau Pinang
C	Syarikat Hindia Timur Inggeris gagal memberi bantuan ketenteraan kepada Kedah
D	Syarikat Hindia Timur Inggeris mengenakan cukai tinggi kepada penduduk negeri Kedah

Soalan 15 berdasarkan pernyataan di bawah

Pada tahun 1795, Raja Belanda telah menandatangani Surat-surat Kew dengan Kerajaan British


15	Apakah kandungan Surat-surat Kew yang ditandatangani di antara pihak British dengan Belanda pada tahun 1795?
A	Raja Belanda menyerahkan jajahannya di timur kepada pihak British
B	British bersetuju untuk berundur dari Pulau Pinang dan Seberang Prai
C	Belanda bersetuju untuk menghapuskan monopoli ke atas perdagangan rempah
D	Kedua-dua pihak bersetuju untuk menamatkan persengketaan mereka di timur

Soalan 16 berdasarkan rajah di bawah.




16	Pada tahun 1826, kerajaan British telah menggabungkan pentadbiran ketiga-tiga negeri di atas menjadi Negeri-negeri Selat dan diletakkan di bawah kawalan Gabenor Jeneral British di India. Mengapakah British berbuat demikian?
A	Pembangunan dapat berjalan lancar
B	Pentadbiran menjadi kuat dan berkesan
C	Mengurangkan kuasa residen
D	Kerajaan Inggeris mengawal pentadbiran Negeri-negeri Selat

Solana 17 berdasarkan rajah di bawah.




17	Maklumat X di atas boleh dihubungkan dengan peristiwa
A	campur tangan Inggeris di Negeri-negeri Melayu
B	penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
C	dasar monopoli perdagangan bijih timah di Tanah Melayu
D	penubuhan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu

Soalan 18 berdasarkan rajah di bawah.



18	Rajah di atas menerangkan tugas residen di Tanah Melayu. Mengapakah residen tidak disukai oleh penduduk tempatan?
A	Campur tangan dalam adat istiadat Melayu
B	Bertindak kasar ke atas raja Melayu
C	Mengetepikan pembesar Melayu dan kerabat diraja
D	Merampas hasil kekayaan negeri Melayu

Soalan 19 berdasarkan maklumat di bawah.



19	Rajah di atas merujuk kepada perjumpaan Durbar kali kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1903. Apakah isu utama yang dibincangkan dalam perjumpaan tersebut?
A	Membincangkan usaha menentang penjajahan British
B	Membincangkan agar kuasa Raja-raja Melayu dikembalikan
C	Membincangkan agar sultan dilantik di dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan
D	Membincangkan masalah adat dan agama Islam serta kebajikan orang Melayu

Soalan 20 berdasarkan rajah di bawah

Penyerahan
Pulau Pinang
kepada Inggeris
1786

Penyerahan
Sarawak kepada
James Brooke
1841

R

S

20	Dalam peristiwa R, penyerahan Pulau Pinang oleh Sultan Kedah bertujuan untuk mendapatkan bantuan pihak Inggeris bagi menghalang serangan Siam. Apakah tujuan peristiwa S?
A	Untuk mematahkan pemberontakan dalam negeri
B	Untuk mendapatkan bantuan ketenteraan
C	Untuk membantu menentang kuasa asing
D	Untuk menjalin hubungan perdagangan

21	Apakah tindakan yang diambil oleh keluarga Brooke untuk memudahkan pentadbiran di Sarawak?
A	Mewujudkan empat jenis struktur pentadbiran
B	Membahagikan Sarawak kepada lima bahagian
C	Melantik residen sebagai pembantu
D	Mengadakan pentadbiran khas

Soalan 22 berdasarkan maklumat berikut.

Syarikat Berpiagam Borneo Utara menghadapi masalah kekurangan modal semasa memerintah Sabah.
--

22	Berdasarkan maklumat di atas, bagaimanakah Syarikat Berpiagam Borneo utara menyelesaikan masalahnya?
A	Dengan meminjam wang di Chartered Bank of India China
B	Dengan menjadikan bandar Jesselton semakin berkembang maju
C	Dengan mengeksport hasil yang ada di Sabah pada tiap-tiap bulan
D	Dengan mengekalkan jawatan Ketua Anak Negeri dan ketua kampung

23	Kecekapan dan kebijaksanaan pemerintah Johor merupakan faktor utama yang membolehkan Johor mengekalkan kedaulatannya sehingga tahun 1914. Apakah sumbangan utama pemerintah Johor untuk mengekalkan kedaulatannya?
A	Mengamalkan sistem pentadbiran Barat dalam pentadbirannya
B	Memberi layanan istimewa kepada pedagang British
C	Mengeratkan hubungan persahabatan dengan Belanda
D	Menggalakkan buruh Cina untuk memajukan ekonomi Johor

Soalan 24 berdasarkan maklumat di bawah

Sultan Zainal Abidin III dari Terengganu enggan mengiktiraf semua perjanjian antara British dengan Siam.
--

24	Mengapakah baginda berbuat demikian?
A	Terengganu diserahkan kepada British oleh Siam
B	Baginda menganggap negerinya bebas dan merdeka
C	Baginda tidak setuju dengan syarat-syarat dalam semua perjanjian
D	Baginda tidak dipanggil untuk berunding bersama-sama dalam setiap perjanjian itu

Soalan 25 berdasarkan senarai di bawah

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Dol Said • Rentap • Syarik Masahor • Yamtuan Antah |
|---|

25	Senarai di atas merupakan tokoh-tokoh yang menentang British. Mengapakah mereka berjuang menentang British?
A	Menghalang British membawa masuk orang asing
B	Menentang penyerahan negeri-negeri Melayu kepada Siam
C	British telah mencabuli adat dan amalan di negeri ini
D	Memperjuangkan hak ke atas tanah masing-masing

26	Satu perjanjian perdamaian telah diadakan antara wakil Kompeni Berpiagam Borneo Utara dengan Mat Salleh. Apakah yang dijanjikan oleh Kompeni kepada Mat Salleh?
A	Mat Salleh akan diberi pencen dan sebuah rumah
B	Kompeni berjanji akan berundur dari Sabah
C	Kompeni membenarkan Mat Salleh membina kubu Di Ranau
D	Mat Salleh dibenarkan berkuasa di kawasan Tambunan

27	Yamtuan Antah di Seri Menanti telah bertindak menentang British. Beliau juga bermusuhan dengan Dato' Kelana yang menjadi Undang Sungai Ujong. Mengapakah Yamtuan Antah menentang British?
A	Seri Menanti dijadikan tanah jajahan British tanpa dipersetujui oleh beliau
B	British cuba menguasai Seri Menanti dengan menempatkan seorang Residen British
C	Dato' Kelana telah diiktiraf sebagai Undang Sungai Ujong tanpa pengetahuan beliau
D	Perlantikan Kapten Tatham sebagai Penolong Residen di Sungai Ujong menggugat kedudukan beliau

28	Rancangan Sekatan Stevenson dan Rancangan Getah Antarabangsa merupakan dua rancangan yang diperkenalkan kepada negara-negara pengeluar getah. Mengapakah kedua-dua rancangan ini diperkenalkan?
A	Untuk mengurangkan keluaran getah oleh negara pengeluar bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli di pasaran dunia.
B	Untuk meningkatkan pengeluaran getah di Tanah Melayu
C	Untuk mengurangkan pengeluaran getah di Tanah Melayu
D	Untuk menandingi pengeluaran getah tiruan

Soalan 29 berdasarkan maklumat di bawah.

<p style="text-align: center;">Al-Iman Neracha Warta Malaya Majlis</p>
--

29	Apakah ciri-ciri persamaan antara akhbar-akhbar ini?
A	Membangkitkan semangat jihad menentang penjajah
B	Menggalakkan masyarakat Melayu meningkatkan taraf ekonomi
C	Membangkitkan semangat cintakan tanah air
D	Menyedarkan masyarakat Melayu tentang kepentingan pendidikan

Soalan 30 berdasarkan maklumat di bawah.

<p>1931 → Menakluki Manchuria 1937 → Menyerang China 1940 → Menyerang Indochina</p>

30	Perkembangan di atas menunjukkan
A	kelemahan negara-negara timur
B	peluasan kuasa dan pengaruh Jepun
C	Kejatuhan negara Asia ke tangan kuasa-kuasa barat
D	Keadaan huru-hara di Asia

Soalan 31 berdasarkan maklumat di bawah

<p>Jepun memulakan serangan ke atas Tanah Melayu dari arah Utara menuju ke selatan.</p>


31	Apakah kelebihan Jepun menyerang Tanah Melayu dari arah utara?
A	Jepun tidak mahu bertembung dengan pangkalan kubu Inggeris di selatan
B	Jepun mendapat kebenaran mendarat di Kedah dan Kelantan
C	Jepun mendapat bekalan senjata dan sokongan dari pihak Siam
D	Jepun mendapat sokongan orang-orang tempatan di pantai Timur

32	Satu dasar ekonomi telah diperkenalkan oleh Jepun di Tanah Melayu. Dasar tersebut dikenali sebagai Rancangan Tiga tahun sara Diri. Apakah tujuan pihak Jepun melaksanakan dasar tersebut?
A	Ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai pembekal makanan di kawasan Asia Tenggara
B	Ingin membantu penduduk tempatan mengusahakan industri desa
C	Untuk menghantar bekalan makanan ke negara Jepun
D	Untuk mencukupkan pengeluaran makanan dalam negeri

33	Beberapa akhbar Melayu telah memainkan peranan yang penting ketika British mencadangkan pelaksanaan Malayan Union. Apakah peranan tersebut?
A	mendesak orang Melayu bersatu menentang Malayan Union
B	mendesak orang-orang Melayu menentang British
C	mendesak orang Melayu melakukan huru-hara
D	mendesak orang Melayu bergabung dengan Indonesia menentang British

34	Orang Melayu telah bersetuju dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk menggantikan Malayan Union 1946. Mengapakah penubuhan Persekutuan ini dipersetujui?
I	Kedaulatan sultan dikembalikan
II	Hak istimewa orang Melayu dikekalkan
III	Syarat-syarat kerakyatan dilonggarkan
IV	Penyatuan Tanah Melayu dan Singapura diwujudkan
A	I dan II
B	II dan III
C	III dan IV
D	I dan IV

Soalan 35 berdasarkan maklumat berikut.



35	Perang Saraf telah dijalankan oleh Sir Gerald Templer semasa Darurat. Maklumat yang tersebut adalah langkah yang diambil untuk mencapai matlamatnya. Matlamat utama Perang Saraf ialah
A	mencepatkan kemerdekaan Tanah Melayu
B	memberikan peluang pentadbiran kepada rakyat
C	mendapatkan kerjasama rakyat menentang ancaman komunis
D	mengurangkan bebanan kerajaan menentang komunis

36	Darurat telah ditamatkan pada tahun 1960 dan PKM telah gagal mencapai matlamatnya untuk menubuhkan sebuah Republik Komunis. Kegagalannya disebabkan oleh
I	tiada sokongan daripada penduduk di Tanah Melayu
II	kegiatan Min Yuen telah dilumpuhkan
III	pencapaian kemerdekaan Tanah Melayu
IV	Kejayaan Rundingan Baling
A	I dan II
B	II dan III
C	III dan IV
D	I dan IV

Soalan 37 berdasarkan maklumat yang berikut.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Orang Melayu diberi kemudahan menceburi bidang perniagaan dan perdagangan • Orang bukan Melayu diberi hak politik |
|--|

37	Cadangan-cadangan di atas dibuat oleh
A	Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
B	Jawatankuasa Perpaduan Antara Kaum
C	Jawatankuasa Penasihat Pusat
D	Parti Perikatan

38	Dato' Onn sedar bahawa Tanah Melayu sukar mendapat kemerdekaan sekiranya Parti UMNO dan MCA berjuang secara bersendirian. Apakah tindakan beliau seterusnya untuk mengatasi masalah ini?
A	Ingin membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu
B	Menubuhkan sebuah parti baru dianggotai oleh pelbagai kaum di Tanah Melayu
C	Mewujudkan pakatan antara Parti Umno dengan MCA
D	Menubuhkan parti Perikatan

Soalan 39 berdasarkan pernyataan di bawah.

*“Ini merupakan hadiah istimewa bagi kita
Perjuangan kita telah terhasil melalui cara yang unik....”
Tunku Abdul Rahman 1956*

39	Hadiah yang dinyatakan di atas mungkin sekali merujuk
A	pembebasan negara daripada pemerintahan penjajah
B	persetujuan pihak Inggeris mengadakan pilihan raya
C	perlantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
D	pembentukan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen

Soalan 40 berdasarkan maklumat di bawah.

Pada bulan Julai 1946, Sabah dan Sarawak diserahkan kepada kerajaan British. Kedua-dua negeri berkenaan dikenali sebagai Jajahan British Borneo.


40	Penyerahan Sabah kepada pentadbiran British tidak mendapat sebarang tentangan daripada penduduk tempatan. Mengapakah penduduk tempatan tidak menentang penyerahan tersebut?
A	Mereka tidak mempunyai pemimpin yang dapat menyatukan penduduk tempatan
B	Mereka tidak mempunyai pendidikan yang tinggi serta tidak mempunyai kesedaran politik yang tinggi
C	Mereka dihalang oleh pihak British dengan memenjarakan mereka yang aktif berpolitik
D	Mereka terdiri daripada berbilang kaum dan tinggal di kawasan pedalaman

Soalan 41 berdasarkan pernyataan di bawah.

Cadangan penubuhan Malaysia ialah pada 31 Ogos 1963. Bagaimanapun tarikh tersebut terpaksa ditunda kepada 16 September 1963.

41	Mengapakah tarikh tersebut ditunda?
A	Mendapat tentangan dari Filipina
B	Hubungan diplomatik antara Tanah Melayu dan Indonesia masih tegang dan kritikal
C	Laporan daripada tinjauan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu belum disiapkan lagi
D	Sabah dan Sarawak meminta supaya tarikh tersebut ditunda kerana tarikh tersebut sama dengan kemerdekaan Tanah Melayu

Soalan 42 berdasarkan carta di bawah.



42	Berdasarkan carta di atas, X dan Y ialah
A	Dewan Pengadilan dan Ketua Hakim
B	Dewan Perundangan dan Dewan Eksekutif
C	Jemaah Menteri dan Perdana Menteri
D	Dewan Negara dan Dewan Rakyat

43	Pada pendapat anda, mengapakah Yang di-Pertuan Agong menjadi tumpuan taat setia rakyat yang pelbagai keturunan?
A	Baginda dipilih oleh Majlis Raja-raja
B	Baginda ketua angkatan tentera Malaysia
C	Baginda berkuasa membuat undang-undang
D	Baginda melambangkan ketinggian kuasa negara

44	Dalam setiap pilihan raya umum yang diadakan, parti-parti politik cuba memenangi dua pertiga daripada kerusi yang dipertandingkan. Apakah sebab utama mereka mahukan kemenangan dua pertiga?
A	Memudahkan parti berkenaan membentuk kerajaan
B	Memudahkan parti berkenaan menangkis kritikan pembangkang
C	Memudahkan parti berkenaan meminda perlembagaan di Dewan Rakyat
D	Memudahkan parti berkenaan menubuhkan kementerian-kementerian dengan lebih banyak demi menjaga kebajikan rakyat

Soalan 45 berdasarkan jadual di bawah

Kaum	Pekerjaan
Melayu	Nelayan dan petani
Cina	Peniaga dan pelombong
India	Peladang

45	Jadual di atas menyenaraikan corak penglibatan ekonomi pelbagai kaum di Tanah Melayu. Apakah implikasi daripada corak penglibatan ekonomi di atas?
I	pengeluaran yang lebih efektif berdasarkan pengkhususan
II	kedudukan sosioekonomi yang tidak seimbang
III	hubungan antara kaum terbatas
IV	kewujudan pelbagai budaya
A	I dan II
B	II dan III
C	III dan IV
D	I dan IV

Soalan 46 berdasarkan maklumat di bawah.

Taraf Perintis	Melalui kemudahan ini, industri baru yang hendak melabur di negara ini dikecualikan daripada membayar cukai selama lima tahun
----------------	---

46	Pada pandangan anda, mengapakah kerajaan memperkenalkan taraf perintis?
A	Menggalakkan rakyat menceburi bidang perindustrian
B	Menggalakkan rakyat membeli barang buatan Malaysia
C	Menyekat pengaliran wang keluar negara
D	Menggalakkan kemasukan pelaburan asing

Soalan 47 berdasarkan maklumat dibawah.

Ogos 1971 – Kuala Lumpur. Kementerian Kebudayaan dan Sukan telah menganjurkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan.

47	Mengapakah kongres tersebut diadakan?
I	Menggariskan unsur perpaduan dalam kebudayaan Kebangsaan
II	Menentukan bentuk kebudayaan Kebangsaan
III	Mencadangkan cara-cara pembentukan kebudayaan Kebangsaan
IV	Menubuhkan jawatankuasa kebudayaan Kebangsaan

	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV

48	Kemiskinan kumpulan Negara-negara Dunia Ketiga adalah disebabkan oleh dasar ekonomi dan perdagangan yang diamalkan oleh Negara-negara Maju. Apakah saranan Malaysia untuk mengatasi masalah tersebut?	
	A	Pembentukan OIC
	B	Pelaksanaan dasar ZOPFAN
	C	Penubuhan Suruhanjaya Selatan-selatan
	D	Memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur

49	Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada tahun 1990. Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah antara berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia	
	A	Memberikan sokongan kepada negara Islam
	B	Kuwait merupakan rakan diplomatik utama Malaysia di Timur Tengah
	C	Menentang sebarang bentuk pencerobohan ke atas negara lain
	D	Menjalankan dasar memenuhi ketetapan yang dibuat oleh negara kuasa besar dunia

50	Penubuhan RECSAM yang berpusat di Gelugor, Pulau Pinang adalah atas usaha negara-negara ASEAN. Apakah tujuan penubuhannya?	
	A	membangunkan negara-negara anggota dalam bidang perindustrian
	B	memberi peluang kepada pakar-pakar sains dan matematik negara ASEAN berkongsi kepakaran
	C	mewujudkan kerjasama dalam ketenteraan
	D	bekerjasama mengkaji sumber laut negara-negara ASEAN

Arahan : Untuk **Soalan 51 hingga Soalan 60**, tiap-tiap soalan mempunyai lebih daripada satu cadangan jawapan yang betul. Tentukan tiap-tiap cadangan jawapan yang betul atau salah. Kemudian pilih satu jawapan yang betul daripada **A, B, C dan D**.

51	Kedatangan Islam membawa kesan kepada kerajaan Melaka. Apakah kesan-kesan tersebut?	
	I	bahasa Melayu diperkaya dengan istilah baru
	II	hukum Islam diserap kedalam undang-undang Melaka
	III	sistem perhambaan ditamatkan
	IV	sistem pendidikan diwujudkan
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

52	Menjelang tahun 1830-an, pemberontakan telah tercetus di Sarawak untuk menentang penguasaan Kesultanan Brunei. Apakah faktor-faktor yang mencetuskan pemberontakan tersebut?	
	I	Rakyat tidak puas hati kerana dikenakan cukai yang tinggi
	II	Sarawak diserahkan kepada British tanpa persetujuan pembesar-pembesar tempatan
	III	Pembesar-pembesar tempatan tidak puas hati kerana dipecat daripada jawatan
	IV	Rakyat tidak puas hati kerana dipaksa menjual hasil pengeluaran mereka hanya kepada orang Brunei
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

53	Sabah telah dikuasai oleh beberapa pihak sejak pertengahan kurun ke-19. Pihak-pihak yang pernah berkuasa di Sabah termasuklah	
	I	Kompeni Hindia Timur Inggeris
	II	The American Trading Company
	III	Kompeni Overbeck dan Dent
	IV	Kompeni Berpiagam Borneo Utara
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

Soalan 54 berdasarkan maklumat berikut.

Guru Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris berusaha menentang penjajah British.

54	Antara berikut, pernyataan manakah yang berkaitan dengan perjuangan mereka?	
	I	Mereka terpengaruh dengan perjuangan rakyat Indonesia menentang Belanda
	II	Mereka menyebarkan seruan melalui akhbar Warta Malaya dan Majlis
	III	Mereka menubuhkan Kesatuan Melayu Muda untuk menentang penjajah British
	IV	Mereka melancarkan pemberontakan terbuka menentang kerajaan British
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

55	Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu (AMCJA) yang terdiri daripada gabungan pertubuhan bukan Melayu tidak berpuas hati dengan cadangan Jawatankuasa Kerja yang ditugaskan untuk merangka perlembagaan baru bagi menggantikan Malayan Union. Beberapa tuntutan telah dibuat oleh AMCJA iaitu
I	Singapura hendaklah dimasukkan dalam Persekutuan Tanah Melayu
II	hak yang sama hendaklah diberikan kepada semua kaum
III	syarat-syarat kerakyatan hendaklah diperketatkan
IV	semua ahli Dewan Perundangan hendaklah dipilih oleh rakyat
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

56	Kemenangan cemerlang parti Perikatan dalam pilihan raya 1955 disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut ialah
I	Janji-janji Parti Perikatan menyakinkan rakyat
II	Parti-parti lain kalah kerana hanya mewakili kepentingan peringkat negeri atau daerah
III	Parti Perikatan memperjuangkan kepentingan semua kaum
IV	Parti-parti lain tidak disokong oleh pentadbiran British
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

57	Pengumuman pembentukan Malaysia telah menyebabkan Indonesia melancarkan konfrantasi terhadap Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menghadapi tindakan Indonesia itu?
I	Askar Wataniah ditubuhkan
II	Menghantar bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
III	Meminta bantuan ketenteraan dari negara-negara Komanwel
IV	Meminta bantuan dari Filipina
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

Soalan 58 berdasarkan rajah di bawah.



58	Rajah di atas menunjukkan badan eksekutif yang dibahagikan kepada kumpulan eksekutif mengurus dan kumpulan melaksanakan tugas. Apakah ciri-ciri yang membezakan kedua-dua kumpulan tersebut?	
	I	Pihak mengurus terdiri daripada ahli-ahli politik yang dipilih sebagai wakil melalui pilihan raya
	II	Pihak mengurus mungkin bertukar dari semasa ke semasa
	III	Pihak yang melaksanakan tugas dipilih oleh Yang di-Petuan Agong atas nasihat Perdana Menteri
	IV	Pihak yang melaksanakan tugas merupakan kakitangan kerajaan yang tetap
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

59	Kerajaan MAGERAN telah menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada bulan Januari 1970. Majlis tersebut ditugaskan untuk	
	I	menyediakan asas yang sesuai untuk mewujudkan kerjasama antara kaum
	II	memastikan golongan bumiputera dapat memiliki saham syarikat terkenal sebanyak 30 peratus
	III	mencari jalan untuk mengeratkan perpaduan rakyat
	IV	menyediakan asas yang teguh untuk mewujudkan demokrasi berparlimen
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV
	D	II, III dan IV

60	ASEAN telah berjaya melaksanakan pelbagai kegiatan politik, ekonomi dan sosial untuk kepentingan negara anggota. Antara berikut, kegiatan-kegiatan yang manakah dilaksanakan untuk mengeratkan kerjasama serantau?
I	Menubuhkan pakatan tentera di kalangan negara anggota
II	Memperjuangkan kewujudan konsep ZOPFAN
III	Penubuhan ASEAN Finance Corporation
IV	Mengadakan kerjasama Perdagangan dengan Kesatuan Ekonomi Eropah
A	I, II dan III
B	I, II dan IV
C	I, III dan IV
D	II, III dan IV

SOALAN TAMAT

JAWAPAN

1	C	16	D	31	B	46	A
2	B	17	A	32	D	47	B
3	D	18	A	33	A	48	C
4	D	19	B	34	A	49	C
5	B	20	A	35	C	50	B
6	C	21	B	36	A	51	B
7	B	22	D	37	A	52	C
8	A	23	A	38	A	53	D
9	B	24	D	39	A	54	A
10	B	25	C	40	B	55	B
11	B	26	D	41	C	56	A
12	D	27	D	42	D	57	A
13	A	28	A	43	D	58	B
14	C	29	C	44	A	59	C
15	A	30	B	45	B	60	D